

# UM, UKM, USM, UPM jadi universiti penyelidikan 4 universiti kekal status

Oleh **SITI MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 20 Julai – Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) boleh mengekalkan status sebagai universiti penyelidikan negara untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Menyentuh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (gambar) berkata, keputusan pengkalan status itu berdasarkan hasil audit ke atas keempat-empat universiti itu terhadap pencapaian dalam tem-



poh tiga tahun lalu dari tahun 2007 hingga 2009.

“Secara keseluruhannya keempat-empat universiti penyelidikan itu menunjukkan impak besar ke atas pencapaian bidang penyelidikan negara dan penghasilan modal insan.

“Pencapaian mereka turut merentasi empat aspek yang diukur iaitu modal insan, penerbitan, paten serta hak harta intelek (IPR) dan penjana pendapatan,” katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan majlis perhimpunan bulanan Kementerian sekali gus melancarkan Buku Kajian Kes Bersepadu Program

Perakaunan dan Kajian Hala Tuju Bidang Pengajian di sini hari ini.

Mohamed Khaled berkata, bilangan pelajar pasca siswazah di keempat-empat universiti penyelidikan terbabit meningkat 34 peratus iaitu daripada 29,794 orang pada 2007 kepada 39,819 orang tahun lalu.

“Dalam aspek penerbitan, bilangan penerbitan dalam jurnal indeks situasi meningkat daripada 2,303 pada 2007 kepada 4,346 pada 2009 iaitu peningkatan 2,043 atau 89 peratus.

“Peningkatan sembilan peratus dalam aspek IPR turut berlaku iaitu 217 pada 2007 kepada 237 pada tahun lalu selain penjana pendapatan meningkat dari RM436 juta kepada RM746.7 juta bagi tempoh sama,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled

berkata, gaji 1,894 pensyarah perubatan di 11 fakulti perubatan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini telah diselaraskan pada 1 Julai lalu.

Katanya, mereka turut diberi insentif bermula 1 Jun lalu mengikut gred masing-masing dan berdasarkan kelulusan atau tanpa kelulusan kepakaran klinikal.

“Berbeza dengan doktor di hospital, pensyarah perubatan terpaksa juga melakukan kajian dan aktiviti pengajaran, jadi bebanan mereka tinggi.

“Kita kluatir tidak ramai tertarik untuk berkhidmat sebagai pensyarah perubatan sekiranya kita tidak lihat (buat penyelarasan) pada skim perkhidmatan mereka,” katanya.